




JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

20 OGOS 2025 (RABU)

15 ditahan dalam OP Bersepadu Khazanah di Sabah – PGA

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah Media	Utama	Online	19 Ogos



KOTA KINABALU: Seramai 15 individu ditahan dalam Op Bersepadu Khazanah (Op Manok) yang dijalankan Pasukan Gerakan Am (PGA) Sabah pada 14 Ogos lalu selepas serbuan serentak di 12 lokasi sekitar Kudat, Keningau, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau.

Komander Briged Sabah PGA, SAC Datuk Abdul Rani Alias berkata, operasi bersepadu itu melibatkan pasukan risikan dari Ibu Pejabat Briged Sabah, Batalion (BN) 14 PGA Tawau, BN 15 PGA Sandakan, BN 16 PGA Kota Kinabalu, BN 17 PGA Lahad

Datu, BN 21 PGA Keningau dan BN 22 PGA Kunak.

“Serbuan terbesar dijalankan Task Force Risik Batalion 17 PGA di dua lokasi berasingan sekitar Lahad Datu dengan jumlah rampasan bernilai RM795,775. Dua lelaki tempatan turut ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 15(1) Enakmen Haiwan Sabah 2015,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, beberapa individu lain turut ditahan di Kudat, Keningau, Sandakan dan Tawau atas pelbagai

kesalahan termasuk di bawah Seksyen 15(1) Enakmen Haiwan Sabah 2015, Seksyen 5(1) Enakmen Kebajikan Haiwan 2015, Jadual Dua Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 serta Seksyen 13(1) Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1975.

“Kesemua serbuan ini berjaya membendung aktiviti pembiakan dan penjualan baka ayam yang dipercayai digunakan dalam perjudian sabung ayam. Operasi turut mengesan ladang ternakan yang beroperasi tanpa lesen sah,” katanya.

Daripada 15 individu ditahan, 11 adalah lelaki tempatan, dua wanita tempatan, seorang lelaki dan seorang wanita warga Filipina. Jumlah keseluruhan nilai rampasan mencecah RM3,046,910.80.

Abdul Rani turut menasihatkan masyarakat agar mendapatkan permit sah daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah sebelum menjalankan sebarang aktiviti penternakan ayam bagi mengelakkan salah laku dan penyeludupan, khususnya melibatkan ayam sabung.

“Polis melalui PGA akan terus melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan negara serta

ketenteraman awam secara profesional demi kesejahteraan rakyat,” katanya.-[SABAHMEDIA](#)

Sarawak Tinjau Industri Ternakan Babi di Denmark

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Berita Sarawak	Online	19 Ogos



Delegasi Sarawak yang diketuai Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (M-FICORD), Datuk Sri Dr Stephen Rundi Utom mengadakan lawatan selama 10 hari ke Denmark bagi merangka strategi Pembangunan Industri Ternakan Babi di Sarawak.

KUCHING, 19 Ogos: Delegasi Sarawak yang diketuai Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (M-FICORD), Datuk Sri Dr Stephen Rundi Utom mengadakan lawatan selama 10 hari ke Denmark bagi merangka strategi pembangunan industri ternakan babi di Sarawak.

Menurut kenyataan Kementerian M-FICORD, lawatan tersebut bertujuan meneroka peluang pelaburan baharu dalam industri ternakan babi selain

memperkukuh potensi eksport ke pasaran luar, termasuk Singapura dan Selangor.

“Sarawak telah mengeksport sebanyak 122,400 ekor babi hidup bernilai RM197.6 juta ke Singapura dan melalui lawatan kerja ini, Sarawak dijangka dapat merealisasikan sasaran nilai pengeksporan babi sebanyak RM1.0 billion menjelang 2030 apabila tiga syarikat besar pengeluar babi utama di Sarawak beroperasi pada kapasiti penuh,” kata

kenyataan itu.

Lawatan anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak itu bertujuan antaranya melawat loji rumah sembelih ayam dan babi di Denmark untuk

Lawatan yang bermula 8 hingga 17 Ogos 2025 itu membawa delegasi mengunjungi syarikat terkemuka di dunia dalam bidang kelengkapan dan peralatan Big Dutchmen dan pemprosesan makanan



Delegasi Sarawak yang diketuai Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (M-FICORD), Datuk Sri Dr Stephen Rundi Utom mengadakan lawatan selama 10 hari ke Denmark bagi merangka strategi Pembangunan Industri Ternakan Babi di Sarawak.

mempelajari teknologi terkini penyembelihan dan amalan terbaik, meninjau industri babi dan tahap status bebas penyakit kuku dan mulut (FMD) dan African Swine Fever (ASF) serta strategi pencegahan penyakit ASF.

Selain itu, lawatan tersebut juga berpeluang meneroka teknologi robotik dalam bidang ternakan yang digunakan di Denmark dan mempelajari teknologi pembiakbakaan babi di Denmark.

haiwan, perbincangan dengan Danish Food and Veterinary Council bagi pengawalan sempadan serta rantai pergerakan lori-lori pengangkutan ternakan babi dan melawat ke Ibu Pejabat DanBred, iaitu syarikat pembiakbaka babi terbesar di Denmark dan ladang babi moden.

Seterusnya, delegasi dibawa melawat dan berbincang dengan pengeluar Modular Rumah Sembelih Babi dan institusi yang mengajar

dalam bidang penyembelihan babi bersama Techocollege, pemeriksaan ke loji pemprosesan halal ayam iaitu Danish Finest Chicken, dan pemeriksaan rumah sembelih dan loji pemprosesan babi termoden di Eropah iaitu Danish Crown di Horsens.

Industri Babi di Denmark kata kenyataan itu, menyumbang sebanyak 30 peratus kepada sektor pertanian di negara itu dan merupakan salah satu negara pengeluar daging babi di Eropah dengan populasi babi sebanyak 11.45 juta pada tahun 2024.

“Ia mengekport sebanyak 90 peratus pengeluaran babi ke 140 buah negara seperti Jerman dan Poland yang merupakan pengimport utama ternakan babi dari Denmark,” katanya.

Turut mengiring, Timbalan Menteri M-FICORD, Datuk Martin Ben, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak serta agensi kerajaan yang berkaitan.–

TVS

Rabies Boleh dicegah, Jangan Ada Lagi Jadi Korban

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	19 Ogos



Dr Kam Kok Yen

Bintulu: Rabies adalah penyakit maut yang sebenarnya boleh dicegah secara total, justeru kesedaran masyarakat sangat penting agar tiada lagi nyawa terkorban akibat jangkitan itu.

Ketua Kesihatan Haiwan Boehringer Ingelheim Malaysia, Singapura dan Indonesia, Dr Kam Kok Yen berkata, sejak wabak rabies dikesan di Sarawak pada 2017, seramai 77 dilaporkan meninggal dunia, kebanyakannya kerana mendapatkan rawatan terlalu lewat selepas digigit anjing.

"Malangnya, masih ada kematian berlaku hanya kerana kurang kesedaran sedangkan rabies boleh dicegah melalui vaksinasi tepat pada masanya.

"Dengan program ini, kita mahu pastikan setiap keluarga tahu cara melindungi diri," katanya ketika melancarkan Kempen Stop Rabies 2025 di Rumah Panjang Jungan, Bintulu.

Kempen anjuran Boehringer Ingelheim Malaysia bersama rangkaian MyOHUN (Malaysia One Health University Network) itu memberi

pendidikan interaktif kepada penduduk rumah panjang, termasuk cara merawat luka gigitan, kepentingan vaksinasi tahunan, serta mengenal pasti tingkah laku anjing agresif.

Sementara, Tuai Rumah Jungan Anak Mitoh berkata inisiatif itu memberi manfaat besar kerana penduduk menganggap haiwan peliharaan sebahagian daripada keluarga.

"Apabila ada pengetahuan, kami boleh jaga anak-anak dan haiwan kami daripada rabies," katanya.

Program turut disokong Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS) dengan pemberian vaksin kepada haiwan di kawasan rumah panjang berkenaan.

Selain itu, tujuh belia dari daerah berisiko tinggi tampil sebagai Duta Wira Rabies dengan idea kreatif seperti kempen kesedaran di TikTok, penubuhan kelab penjagaan haiwan di sekolah dan kumpulan pemantauan komuniti.

Kempen ini juga menyokong misi global Zero by 2030, iaitu sasaran dunia untuk mencapai sifar kematian manusia akibat rabies menjelang tahun 2030.-
[MYMETRO](#)

42 Hari Lulus Permit Pindah Ternakan Terlalu Lama

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Mutakhir	Online	19 Ogos



Pengarah JPV Terengganu, Dr. Anun Man mendengar keluhan sebahagian penternak lembu di pejabat JPV Terengganu, Kuala Terengganu hari ini.

KUALA TERENGGANU – Lebih 5,000 penternak lembu di Terengganu merayu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bertolak ansur agar memendekkan tempoh pengeluaran permit pemindahan haiwan ternakan yang kini menjangkau 42 hari.

Mereka mendakwa, sistem baharu berkuat kuasa 3 Ogos lalu tersebut bukan sahaja meningkatkan kos operasi, malah merencatkan proses jual beli dan risiko kematian haiwan ternakan.

Seorang penternak, Muhammad Ezil Hisham Abd. Rahman, 32, mendakwa sistem baharu berkenaan mewajibkan setiap ekor lembu yang hendak dijual menjalani pemeriksaan vaksinasi dan kesihatan menerusi ujian makmal yang memakan masa sehingga 42 hari.

“Kami setuju setiap haiwan ternakan perlu menjalani ujian darah dan vaksinasi sebelum dipasarkan, tetapi tempoh 42 hari terlalu lama.

“Sebagai perbandingan,

sebelum ini urus niaga rentas daerah cuma memakan masa sehari, manakala ke luar negeri pula dalam seminggu,” dakwanya ketika ditemui di pekarangan Pejabat JPV Terengganu di sini hari ini.

Muhammad Ezil Hisham mendakwa, tempoh pelepasan yang terlalu lama menyebabkan penternak terpaksa menanggung tambahan kos operasi kira-kira RM10 sehari bagi seekor lembu.

Dia yang menjual lembu-lembu liar yang ditangkap di dalam hutan mendakwa, tempoh terlalu panjang juga menyebabkan sebahagian haiwan miliknya tertekan sehingga menyebabkan kematian.

“Kami tidak boleh pindah haiwan ternakan sebelum permit dikeluarkan dalam tempoh 42 hari bagi mengelak berdepan risiko didenda puluhan ribu ringgit dan lori dirampas,” dakwanya. – [KOSMO! ONLINE](#)

Penternak Bantah Pelaksanaan E-permit, Ternakan Mati Sebelum dipindahkan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	19 Ogos



Penternak dan peniaga daging hadir berbincang bersama Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Anun Man (dua kiri) berhubung isu ini.

Kuala Terengganu: Pelaksanaan e-Permit oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang menetapkan tempoh sehingga 42 hari untuk lembu atau kerbau dipindahkan atau disembelih mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan penternak di negeri ini.

Penternak dan peniaga daging ternakan itu mendakwa syarat dikuatkuasakan pada awal bulan ini menyebabkan mereka kerugian kerana haiwan dibeli mati sebelum

dipindahkan ke kandang.

Penternak, Muhammad Ezil Abd Rahman, 32, berkata, penternak tidak membantah kaedah pengambilan darah dan pemberian vaksin ke atas ternakan liar.

Bagaimanapun, katanya, keputusan hasil ujian darah sehingga 42 hari sebelum permit pemindahan diluluskan adalah tidak munasabah dan merugikan penternak.

"Sejak pelaksanaan e-Permit pada awal bulan ini, kira-kira

tujuh hingga 10 ekor lembu dan kerbau liar yang dilepaskan dalam ladang kelapa sawit mati.

"Lembu dan kerbau liar itu dibeli secara sah oleh peniaga daripada pemilik, tetapi proses kelulusan permohonan permit pemindahan dibuat atas talian mengambil masa selama 42 hari menyebabkan haiwan itu mati," katanya kepada media, di sini, hari ini.

Muhammad Ezil dari Manir, di sini, antara 85 penternak dan peniaga daging yang mengadakan perhimpunan secara aman di hadapan pejabat JPV negeri di Jalan Bukit Kecil, bagi menyuarakan bantahan serta menuntut agar sistem itu dikaji dan disemak semula.

Dia berkata, tempoh kelulusan yang terlalu lama menyebabkan penternak terpaksa menanggung kerugian terutama kos makanan sebanyak RM10 sehari.

Seorang lagi penternak, Aswadi Husssin, 33, yang menternak 90 ekor lembu pula mendakwa urusan niaga ternakannya kini terganggu akibat peraturan baharu itu.

Dia yang berasal dari Besut mendakwa berdepan dilema dengan pembeli yang mahu haiwan ternakan diserahkan

dengan segera.

"Kita tidak boleh menaikkan harga daging sewenang-wenangnya, walaupun terpaksa menanggung risiko kerugian berikutan kelewatan JPV meluluskan permit pemindahan," katanya.-[MYMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR